



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PULAU PINANG



UNTUK SIARAN SEGERA

12 Mei 2023 (Jumaat)

BIL: 1 / 2023 (PULAU PINANG)

KASTAM BERJAYA PATAHKAN CUBAAN MENYELUDUP DADAH BERBAHAYA BERNILAI ANGGARAN RM78 JUTA MELALUI PINTU MASUK PELABUHAN NBCT PULAU PINANG

KES

1. Pada 6/5/2023 jam lebih kurang 0900hrs sepasukan kastam Unit Narkotik Pulau Pinang, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pulau Pinang telah menahan sebuah kontena yang dibawa masuk melalui Pelabuhan NBCT, Pulau Pinang. Hasil pemeriksaan ke atas kontena tersebut mendapati kontena tersebut diisi dengan 20 unit *Silent Compresors*.
2. Hasil pemeriksaan lanjut menemui sebahagian *Silent Compresors* tersebut telah diubahsuai ruang dalamnya untuk menyembunyikan bungkusan berisi pil-pil yang disyaki dadah jenis **MDMA (ECSTASY)**. **Anggaran berat** bagi keseluruhan pil-pil yang disyaki dadah tersebut adalah berjumlah **1,063.206 Kilogram**. **Nilai Pasaran** dianggarkan berjumlah **RM 78,039,320.40**.
3. Seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 48 tahun telah ditahan reman selama tujuh (7) hari untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



korporatpg@customs.gov.my



04-382 2111



04-382 2123



JabatanKastamDirajaMalaysiaPulauPinang



www.customs.gov.my

MODUS OPERANDI

4. Modus Operandi yang digunakan adalah dengan menyembunyikan dadah di dalam mesin *Silent Compressor* dan dimuatkan dalam kontena. Apabila tiba di dalam negara, membuat pengiklanan import barang dagangan yang tidak tepat bagi mengaburi pihak berkuasa.
5. Siasatan masih lagi dijalankan bagi mengenalpasti pihak-pihak lain yang terlibat dalam pengimportan dadah secara besar-besaran ini.

KESALAHAN

6. Siasatan dijalankan dibawah **Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952** iaitu 'mengedar dadah berbahaya'.

HUKUMAN

7. Jika disabitkan dengan kesalahan hukuman adalah hukuman mati atau penjara seumur hidup dan tidak kurang daripada 15 sebatan rotan sekiranya tidak dikenakan hukuman mati.

KERJASAMA ORANG AWAM

8. Sehubungan dengan itu orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.



korporatpg@customs.gov.my



04-382 2111



04-382 2123



Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang



www.customs.gov.my

9. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi :

- Talian Bebas Tol Kastam 1-800-8855,
- atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

10. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

DATO' HJ ZAZULI BIN JOHAN
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
12 MEI 2023



korporatpg@customs.gov.my



04-382 2111



04-382 2123



JabatanKastamDirajaMalaysiaPulauPinang



www.customs.gov.my